



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 28 OKTOBER 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PUSAT KOMUNITI KOPI KEMBANG POTENSI TINGGI KOPI PERAK, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 15	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	BANDAR BOTANIK, KAPAR TERTINGGI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	SANCTUARY FOR TURTLES, TRAVEL, THE STAR, M/S – 9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	INOVASI MAKANAN TERNAKAN KURANGKAN KOS, INOVASI.GAYA, M/S – 22	LAIN-LAIN
5.	BETING HALANG KE LAUT, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 18	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Pusat komuniti kopi kembang potensi tinggi Kopi Perak

Kuala Kangsar: Permintaan tinggi terhadap tanaman kopi menyebabkan seorang pengusaha nurseri, di sini mengambil inisiatif meneroka kaedah penanaman lebih efisien bagi memperkasa industri kopi di negeri ini.

Mohamed Nazri Isa @ Esha, 38, yang mengusahakan tiga nurseri di Kampung Talang, Kampung Bendang Kering dan Kampung Ulu Kenas berkata, usaha itu tercetus selepas menyadari pengeluaran kopi tempatan yang masih terhad dan banyak bergantung kepada import.

Nurseri diusahakan Mohamed Nazri menumpukan kepada selesaian pokok kopi bagi penanaman sendiri mahupun sebagai pembekal anak pokok kopi.

"Saya mula menanam kopi sejak 2019, sebelum kerajaan negeri menyuarakan hasrat menjadi Kopi Perak sebagai pengeluaran utama kopi tempatan. Ketika itu, saya mendapat tawaran daripada sebuah syarikat makanan dan minuman antarabangsa untuk membangunkan komuniti kopi," katanya kepada BH, di sini.

Mohamed Nazri kini giat membangunkan Pusat Kampung Kopi Perak di Kampung Bendang Kering, sebagai projek komuniti berorientasi penanaman kopi yang membangkitkan penyertaan penduduk tempatan.



Mohamed Nazri menjadi pembekal anak pokok kopi dan mengusahakan semaian bagi penanaman sendiri.



negeri Perak yang komited meneroka industri penanaman kopi melalui pengeluaran kopi jema negara, iaitu Kopi Perak dari varieti *Liberica*.

ia sekali gus meningkatkan keinginannya meneroka potensi tanaman kopi itu lebih gigih.

Menurutnya, projek percubaan Pusat Kampung Kopi di Kampung Bendang Kering itu akan membabitkan 10 peserta dengan keluasan tanaman kira-kira 0.8 hektar setiap seorang, yang dijangka bermula pada 2026.

Katanya, sejak 2022, Jabatan Pertanian banyak membantu dari segi bimbingan teknikal dan infrastruktur termasuk menaik taraf sistem pengairan dan kemudahan nurseri bernilai hampir RM100,000.

"Kini saya menumpukan ke- pada semaian menggunakan ke-

ratan batang daripada pokok induk kopi berbanding biji benih. Kaedah ini menjadikan anak pokok lebih cepat tumbuh dan seragam," katanya.

Tuapuz Tanaman Perak Tengah
Sementara itu, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Perak, Nostiyenti Othman, berkata pihaknya memperkukuh pembangunan industri kopi dengan memberi tumpuan kepada rantaian pertengahan antara ladang dan peruncit (*brewer*).

Katanya, masalah utama ketika ini ialah ketersediaan perkhidmatan di peringkat itu menyebabkan *brewer* lebih cenderung mengimport biji kopi mentah dari luar negara.

"Ketika ini tiada atau sangat kurang penyedia perkhidmatan yang berada di peringkat antara

ladang dan *brewer*. Ini menyebabkan *brewer* lebih gemar membeli biji kopi mentah dari luar negara, sekali gus petani tidak beroleh pendapatan.

"Kita mahu mewujudkan rantalan lengkap, daripada petani menanam kopi, ada pihak yang menuai, mengeringkan, mengupas dan memproses biji kopi mentah sebelum menjualnya kepada *brewer* tempatan. Langkah ini dapat memastikan petani memperoleh pendapatan yang lebih stabil," katanya.

Jabatan Pertanian diletakkan sebagai antara agensi peneraju kepada agenda 1 Daerah 1 Aktiviti Ekonomi menerusi *flagship* Program Pembolehdayaan Modal Insan & Pembelajaran Sepanjang Hayat bagi pelan Perak Sejahtera 2030 ilham Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2025	HARIAN METRO	LOKAL	12

MASALAH HAIWAN TERNAKAN BERKELIARAN DI SEKITAR KLANG

Bandar Botanik, Kapar tertinggi

Oleh Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

Klang

Pemilik haiwan ternakan yang membiarkan lembu mereka berkeliaran bebas di kawasan perumahan dan jalan raya boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 termasuk kompaun dan tindakan penguatkuasaan lain.

Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK), Norfiza Mahfiz berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dalam isu keselamatan awam yang berpunca daripada haiwan ternakan berkeliaran.

"Tindakan boleh diambil terhadap pemilik ternakan yang membiarkan haiwan mereka berkeliaran di bawah Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971.

"Antara tindakan termasuklah pengeluaran kompaun kepada pemilik," katanya.

Beliau berkata, walaupun tiada aktiviti penangkapan



LEMBU yang berkeliaran berdekatan kawasan perumahan Pangsapuri Seri Perantau, Pelabuhan Klang hingga menimbulkan keresahan penduduk. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

lembu rayau dilakukan setakat ini, fokus MBDK tertumpu kepada tindakan penguatkuasaan berterusan dan pemantauan rutin di kawasan yang sering menerima aduan.

Menurutnya, berdasar-

kan rekod MBDK, sebanyak 67 aduan diterima pada 2023, meningkat kepada 88 aduan pada 2024 manakala 35 aduan direkodkan sehingga September tahun ini.

"Bandar Botanik dan Ka-

par antara kawasan yang mencatatkan aduan tertinggi," katanya.

Norfiza berkata, dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya tidak ferjejas, MBDK melaksanakan Operasi Tindakan Pe-

nguatkuasaan Lembu Berkeliaran sebanyak 12 kali setahun, dengan kerjasama Jabatan Penguat kuasa dan Jabatan Pelesenan MBDK.

Katanya, tiada kawasan khas ternakan disediakan setakat ini dan pemilik hai-

wan perlu mendapatkan permit penternakan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sebelum menjalankan aktiviti berkenaan.

Beliau turut menegaskan pemantauan berkala akan diteruskan bagi menangani aduan penduduk dan mengelakkan kejadian tidak diingini termasuk kemalangan jalan raya akibat lembu berkeliaran.

Harian Metro semalam melaporkan masalah lembu dan kerbau rayau berdekatan kawasan perumahan di sekitar Klang sejak sekian lama menimbulkan keresahan penduduk.

Selain menjejaskan kebersihan yang mana najis haiwan ternakan itu bersepah di atas jalan raya, ia turut mengundang risiko kemalangan terutama pada waktu malam terutamanya di kawasan tidak berlampu.

Penduduk mendakwa haiwan ternakan itu dibiarkan berkeliaran tanpa ikatan dan tanpa pengawasan pemilik. Malah, ada antara haiwan itu didapati merayau di tanah milik kerajaan tanpa sebarang keizinan.

“
Sejumlah 67 aduan diterima pada 2023, meningkat kepada 88 aduan pada 2024
Norfiza

Sanctuary for turtles

THE turtle population in Malaysia is steadily declining, posing a grave threat to one of the world's oldest surviving marine species.

In a bid to protect and sustain these endangered creatures, a range of conservation efforts has been set in motion – including on Pulau Tengah, a secluded island in Johor, about 30 minutes by boat from the Mersing jetty.

Here, amid turquoise waters and coral reefs, Batu-Batu Resort leads the charge through the Tunku Abdul Jalil Conservation Centre, dedicated to safeguarding Malaysia's marine heritage.

The island serves as a major nesting site for two turtle species – hawksbill and green turtle – making it one of the most significant nesting habitats in the Johor waters.

The island has an exhibit featuring a preserved turtle skeleton for tourists to learn about the importance of protecting and

conserving marine creatures.

Junior conservation officer at the Pulau Tengah Conservation, Cheng Si Va Sanggara, said the nesting season usually begins in April and lasts until September, when dozens of female turtles return to the beaches to lay their eggs.

"Each female turtle can produce between 60 and 120 eggs per season, and they will return to the same beach several times during that period," he said.

Cheng, fondly known as Siva, said each turtle may return to nest up to eight times a season, with an interval of about 10 to 14 days between each new batch of eggs.

"Typically, a turtle that lays eggs this week will come back in 10 to 14 days to lay the next batch. During this period, we monitor closely to see if the same turtle returns to the shore," he shared.

Siva added that every turtle



The skeletal remains of a sea turtle on display at the Tunku Abdul Jalil Conservation Centre in Pulau Tengah. — Bernama

has its own unique identity, allowing it to be recognised when it returns to the same nesting beach.

"The facial scale patterns on each turtle are different – just like human fingerprints – helping our conservation team identify individuals previously recorded," he said.

He explained that each nesting turtle is identified using two methods: first, by attaching a small metal tag with a unique serial number issued by the

Department of Fisheries Malaysia, and second, by photographing the side of its face. The scale patterns are then matched against their database to identify returning mothers from previous nesting seasons.

Siva said their conservation efforts extend beyond turtle protection to encompass coral reefs, seagrass meadows and the surrounding island community. This holistic approach eventually inspired them to establish Tengah Island Conservation as a

registered NGO in 2019, expanding their mission to a broader environmental scope.

"Our main focus is on habitat and species monitoring and protection, especially around Tengah Island," he added, noting that this includes extensive coral reef monitoring.

"We use the Reef Check Survey method not only on this island but also on seven nearby islands – including Hujung, Harimau, Gual, Mensirip, and Rawa. We conduct seagrass monitoring for dugongs, which we recently spotted in September," he said.

In conjunction with Visit Johor Year 2026, the island offers species and habitat monitoring as well as educational programmes on marine ecosystems.

"We go to different schools to educate young people on sustainable tourism, species protection, and habitat preservation. Our goal is to inspire the youth to take this knowledge home and share it with their families," Siva concluded. — Bernama

Inovasi makanan ternakan kurangkan kos

RISYAWATI Mohamed Ismail menghasilkan pelbagai produk makanan ternakan berasaskan bahan tempatan dan mesra alam.



DIANGGARKAN 70 hingga 80 peratus kos operasi ladang ayam atau kolam ikan datang daripada makanan ternakan yang

kebanyakannya bergantung kepada bahan import, menyebabkan harganya tidak stabil dan meningkat. Menyedari isu ini, Penyelidik Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof. Madya Dr. Risyawati Mohamed Ismail membangunkan formula makanan ayam dan ikan berasaskan bahan tempatan yang lebih murah, berkhasiat dan mesra alam. Inovasi ini bermula sejak 2021 melalui kajian penggunaan *azolla*, sejenis paku air yang tumbuh

pantas, sebagai alternatif bahan asas makanan ternakan. Sejak itu, beliau mengetuai sembilan projek penyelidikan bagi memperhalusi komposisi nutrisi dan keberkesanan pelet ternakan. Hasilnya, inovasi pelet makanan ayam dan ikan yang dibangunkan terbukti mampu mengurangkan kos lebih 30 peratus berbanding makanan komersial tanpa menjejaskan kualiti.

Ayam membesar cepat dengan imuniti lebih baik, manakala ikan kali menunjukkan kadar pertumbuhan dan

kelangsungan hidup tinggi. Bagi komuniti luar bandar, pengurangan kos makanan bermakna penternak boleh mengekalkan margin keuntungan yang lebih baik. Sekali gus, membantu meningkatkan taraf hidup, selari dengan usaha kerajaan memperkasakan ekonomi desa.

"Kajian ini tidak boleh berhenti di makmal sahaja. Ia perlu sampai ke komuniti untuk dimanfaatkan. Sebab itu, mana-mana usahawan yang berminat boleh menghubungi saya untuk kerjasama selanjutnya," katanya.



28/10/2025

HARIAN
METRO

LOKAL

18

NELAYAN TERPAKSA TOLAK BOT KE MUARA SUNGAI MUDA

Beting halang ke laut



MAHDZIR meninjau muara Sungai Muda ketika hadir ke Program Desa KEDA Tepi Sungai, semalam. - Gambar NSTP/NOORAUJURA, ABDUL RAHMAN

Oleh Noorzura
Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Sungai Petani

Penduduk dan nelayan di Desa KEDA Tepi Sungai, Kota Kuala Muda berdepan kesukaran menangkap ikan berikutan timbunan beting pasir di muara Sungai Muda yang semakin cetek dan menghalang laluan bot.

Keadaan itu bukan sahaja menjejaskan punca rezeki mereka, malah memaksa nelayan menolak bot ke tengah sungai setiap kali air surut bagi membolehkan mereka ke laut mencari hasil.

Prihatin dengan masalah berlarutan itu, Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Datuk Seri Mahdzir Khalid mencadangkan supaya satu jawatankuasa khas memabitkan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri diwujudkan bagi mencari penyelesaian menyeluruh terhadap isu berkenaan.

Beliau berkata, langkah

lepas beting.

"Masalah ini bukan baru, sudah lama berlarutan dan mesti diselesaikan segera. Penduduk di sini kebanyakan nelayan pantai yang perlu kita bantu untuk kelangsungan hidup mereka," katanya.

Dalam masa sama, beliau menegaskan isu berkenaan tidak wajar dijadikan bahan politik kerana ia memabitkan kepentingan komuniti nelayan serta penduduk setempat yang kebanyakannya bergantung hidup kepada hasil laut.

"Ini bukan masalah parti politik, ini masalah rakyat. Semua pihak perlu duduk semeja...kerajaan Kedah, Pulau Pinang dan Kerajaan Pusat untuk cari jalan penyelesaian serta peruntukan yang sesuai," katanya.

Mahdzir turut menyarankan supaya kawasan beting pasir itu dibangunkan sebagai lokasi pelancongan baharu memandangkan kawasan itu turut mempunyai nilai sejarah termasuk kewujudan Galeri dan Tugu Tsunami yang boleh dijadikan tarikan pelawat.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin masyarakat setempat di Desa KEDA Tepi Sungai di sini, kelmarin.

Mahdzir berkata, timbunan pasir di muara sungai menyebabkan bot nelayan sukar keluar terutama ketika air cetek sehingga ada yang terpaksa menolak bot dengan tangan untuk me-

membabitkan sungai di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, manakala IPS pula agensi bersama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin masyarakat setempat di Desa KEDA Tepi Sungai di sini, kelmarin.